



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 16 FEBRUARI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PERAK CATAT 300,000 TAN HASIL PERIKANAN TAHUN LALU, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 17	LAIN-LAIN
2.	SELUT JADI 'ÁNCAMAN' TERNAKAN IKAN SANGKAR PANTAI ALI, NEGARA, KOSMO, M/S – 14	
3.	7 KUCING KENA RACUN, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 19	
4.	SABAH BOOSTS FOOD SUPPLY, NATION, THE STAR, M/S – 13	
5.	PERMIT KEBENARAN MERANCANG RM40,000 BEBANKAN PENTERNAK, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 10	
6.	CHE AMAH RAIH PENDAPATAN KIRA-KIRA RM30,000 SEBULAN, TERNAK RUMINAN, UNGGAS DI PADANG BESAR PERLIS, INSPIRASI NIAGA, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 24	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/2/2026	BERITA HARIAN	NASIONAL	17

Perak catat 300,000 tan hasil perikanan tahun lalu

Sungai Siput: Jumlah pendaratan hasil perikanan di Perak merekodkan kira-kira 300,000 tan tahun lalu, sekali gus meletakkan negeri itu sebagai pengeluar perikanan utama di negara ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad, berkata jumlah itu memberikan kekuatan kepada Perak untuk menyusun pengedaran ikan ke seluruh negara dengan lebih cekap dan searas.

"Apabila pengeluaran kukuh dan pengedaran diatur dengan baik, hasil tangkapan dapat sampai kepada pengguna dalam keadaan segar dan nelayan pula mendapat pasaran yang lebih stabil serta berterusan," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran Jualan Sejahtera Rakyat Ikan Murah anjuran Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Perak di Arena Sungai Siput di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Mohd Zolkafly Harun serta Pengarah LKIM Perak, Ahmad Zulkifli Ismail.

Dalam pada itu, beliau berkata Program Jualan Sejahtera Rakyat Ikan Murah akan dilaksanakan di semua daerah di negeri ini dengan lima tapak kekal bagi setiap daerah sebagai lokasi utama jualan.

Saarani berkata, selain tapak kekal, jualan turut diadakan selepas solat Jumaat di masjid terpilih.

"Bagi memastikan capaian lebih luas, jualan bergerak melalui khemah, motosikal roda tiga dan lori akan dilaksanakan sekurang-kurangnya tiga kali seminggu di lokasi terpilih.

"Secara keseluruhan lebih 1,000 siri jualan disasarkan sepanjang 2026. Ini menunjukkan pelaksanaan program ini bukan bersifat sementara tetapi dirancang secara berterusan dan konsisten sepanjang tahun," katanya.

Pelanggan, Tun Saliha Nasarudin, 60, dari Kampung Sungai Sejuk di sini, berkata pelaksanaan program berkenaan sangat membantu meringankan beban perbelanjaan harian.

"Saya beli sotong, udang, ikan untuk keperluan bagi tempoh seminggu hanya kira-kira RM50 sahaja berbanding apabila beli di kedai menjual barangan basah, saya perlu berbelanja RM140.

"Saya berharap program begini selalu diadakan apatah lagi menjelang musim perayaan nanti," katanya.

BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/2/2026	KOSMO	NEGARA	14

Selut jadi 'ancaman' ternakan ikan sangkar Pantai Ali

HULU TERENGGANU - Aktiviti penternakan ikan sangkar di Kampung Pantai Ali di sini berdepan masalah selut berikutan paras Sungai Terengganu yang semakin cetek sejak kebelakangan ini.

Penternak, Zakaria Ismail, 69, berkata, penurunan paras sungai itu memberi kesan terhadap sekurang-kurangnya 50 sangkar ikan yang diusahakan oleh lapan penduduk kampung tersebut.

"Bukan sahaja air tidak mencukupi, malah turut dipenuhi selut. Situasi ini memberi kesan kepada ikan seperti tilapia, baung dan keli yang memerlukan sistem pengairan yang baik," katanya ketika ditemui *Kosmo!* semalam.

Zakaria yang juga Bendahari Persatuan Kelompok Ternakan Ikan Sangkar Kampung Pantai Ali mendakwa, banyak ikan yang mati akibat masalah selut sehingga menyebabkan penduduk kerugian ribuan ringgit.

Seorang lagi penternak, Mohamad Na'im Mohd. Abdullah, 32, berkata, sebahagian sangkar terpaksa dikosongkan kerana tidak lagi sesuai untuk penternakan ikan dan dipindahkan ke sangkar lain yang kurang terjejas.

"Jika tidak, sekurang-kurangnya pembesaran akan terbantut. Isu paras sungai cetek pada musim panas sudah berlarutan sejak empat tahun lalu dan ma-



KEADAAN sangkar ikan milik penduduk yang dipenuhi selut ekor paras Sungai Terengganu cetek di Kampung Pantai Ali, Hulu Terengganu.

kin meruncing," katanya.

Sehubungan itu, Mohamad Na'im memohon pihak berkaitan untuk membantu mengatasi masalah tersebut.

"Ekosistem Sungai Tereng-

ganu di kampung ini perlu dipulihkan semula. Apatah lagi, ternakan ikan sangkar ini diusahakan sejak 26 tahun lalu dan menjadi sumber pendapatan utama kami," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/2/2026	HARIAN METRO	LOKAL	19

Oleh Nurul
Fatimah Sulaini
am@hmetro.com.my

Besut

Pengunjung di Pusat Rekreasi Pantai Air Tawar di sini terkejut apabila menemui bangkai tujuh kucing bergelimpangan disyaki diracun.

Pekerja kebersihan, Mazewin Mohamad, 45, berkata, seorang pengunjung yang berjoging di kawasan itu memaklumkan kejadian berkenaan kepadanya.

Katanya, ketika itu dia bersama beberapa pekerja lain sedang melakukan kerja pembersihan di pusat rekreasi terbabit.

"Saya percaya kejadian tidak bertanggungjawab itu berlaku pada Jumaat kerana kami tidak bekerja pada hari kejadian.

"Apabila kami datang bekerja pada pagi Sabtu, pengunjung yang berada di situ memaklumkan kejadian berkenaan kepada kami sebelum kerja pembersihan dilakukan di kawasan terbabit," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Menurutnya, tindakan berkenaan tidak wajar dilakukan kerana mengani-

PENEMUAN BANGKAI KEJUTKAN ORANG RAMAI

7 kucing kena racun



MAZEWIN (kanan) menunjukkan lokasi bangkai kucing ditemukan pengunjung yang datang berjoging di laluan pejalan kaki bersebelahan Pusat Rekreasi Pantai Air Tawar, Besut.

yai haiwan.

"Sebelum ini banyak kucing berkeliaran di kawasan ini hingga ada pihak

yang mengambil inisiatif menyediakan makanan untuk diagihkan kepada haiwan berkenaan.

"Kami terkilang apabila berlaku kejadian seperti ini kerana haiwan itu tidak mengganggu orang ramai

yang berkunjung ke sini.

"Sebelum ini ada kucing mati digigit anjing liar dan ada kesan kecederaan pada

badan kucing namun bangkai kucing yang ditemui tidak ada sebarang kecederaan luaran," katanya.

Sementara itu, rakannya, Noriza Husin, 40, berkata, kejadian sama turut berlaku sehari sebelum penemuan bangkai terbabit apabila lima kucing termasuk anak kucing ditemui mati di kawasan berkenaan.

Katanya, mereka segera membersihkan kawasan itu kerana bau bangkai kucing yang busuk mengganggu ketenteraman pengunjung beriadah.

"Jabatan Perkhidmatan Veterinar sudah datang ke lokasi untuk membuat siasatan selepas tular video berkenaan di media sosial," katanya.

Terdahulu, tular di media sosial video berdurasi 55 saat berhubung penemuan tujuh bangkai kucing yang dikumpulkan dan diletakkan di laluan pejalan kaki bersebelahan Pusat Rekreasi Pantai Air Tawar.

Sabah boosts food supply

Govt allocates RM559.85mil to raise self-sufficiency rate

TUARAN: The Sabah government has allocated RM559.85mil to the state Agriculture, Fisheries and Food Industry Ministry this year to strengthen food security and improve the self-sufficiency rate for key food commodities.

Chief Minister Datuk Seri Hajiji Noor said the substantial allocation underscores the state's commitment to keeping food security a top priority, particularly as it has become a major agenda at both global and national levels.

"The agriculture, fisheries and food sectors will continue to be the backbone of Sabah's socio-economic development," he said at the launch of the "Jelajah Kebun Dapur MAFFI" programme here yesterday, Bernama reported.

MAFFI is the ministry's acronym.

Also present were state Agriculture, Fisheries and Food Industry Minister Datuk Jamawi Jaafar, Assistant Minister Datuk Ruslan Muharam and Tuaran MP Datuk Wilfred Madius Tangau.

Hajiji said several initiatives are being actively rolled out by the Sabah Agriculture Department, including the development of permanent food crop production zones at 15 permanent food production parks statewide.

He added that RM3mil has been allocated to the Sabah Padi and Rice Board for operational expenses, while a further RM15mil is earmarked for the procurement of padi harvesting and ploughing machinery.

"This initiative aims to position Sabah as a sustainable and competitive producer of padi and rice, with a target of achieving a 60%



Day on the farm: Hajiji inspecting the harvest at the Jelajah Kebun Dapur in Tuaran. — Bernama

self-sufficiency level by 2030," he said. However, Hajiji stressed that the responsibility of ensuring food security should not rest solely on large-scale farms or mega projects, but must begin at the grassroots level.

To that end, the "Jelajah Kebun Dapur MAFFI" programme under the Rural Economic Revolution was introduced as a strategic measure to help reduce the cost of living while fostering a more self-reliant and sustainable community.

He said the programme would

be carried out throughout Sabah to ensure that its benefits reach communities in urban, rural and interior areas alike.

"I would also like to see Tuaran emerge as the model district for the programme, where this initiative truly becomes part of the community's way of life," he said.

The programme, he added, will adopt a mentor-mentee approach, pairing successful entrepreneurs with local communities to facilitate the continuous transfer of knowledge and best agricultural practices.

"I would like to see Tuaran emerge as the model district for the programme."

Datuk Seri Hajiji Noor

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/2/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

Permit kebenaran merancang RM40,000 bebankan penternak

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamulla.com.my

ARAU: Para penternak ayam di negeri ini memohon kerajaan negeri mempertimbang keperluan pindaan Enakmen Perladangan Unggas Perlis 2006 berkaitan syarat permohonan lesen penternakan ayam yang disifatkan tidak relevan serta menekan golongan tersebut.

Para pengusaha berdepan kekangan mendapatkan permit yang memerlukan kebenaran merancang yang menelan kos sekitar RM40,000 bagi kuantiti 500 ekor ayam iaitu syarat bagi mendapatkan lesen berkenaan.

Seorang penternak ayam, Mohd. Zaidi Md. Nazir, 38, berkata, syarat berkenaan menyukarkan penternak-penternak kecil tersebut apabila kos RM40,000 itu dilihat cukup tinggi berbanding potensi pulangan bagi projek ternakan hanya berskala 500 ekor ayam.

Justeru, katanya, penternak memohon kerajaan negeri mempertimbang pindaan syarat permohonan lesen iaitu dengan mengecualikan prosedur kebenaran merancang untuk ternakan 5,000 ekor ayam dan ke bawah.

"Para penternak sememangnya tidak mampu dengan kos



SEORANG penternak, Mohd. Zaidi Md. Nazir memantau ayam peliharaannya di Arau, Perlis semalam.
- UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

RM40,000 yang tidak berbaloi dengan kuantiti ayam ditetapkan (500 ekor). Pindaan yang kita harapkan itu agar prosedur kebenaran merancang berkenaan ditetapkan dengan kuantiti ayam 5,000 dan ke atas.

"Kuantiti ternakan tersebut

(5,000 ekor ke atas) baru berbaloi dengan kos RM40,000.

"Selain itu, pengusaha juga tidak boleh berkembang apabila jumlah ternakan tersebut hanya terhad kepada 500 ekor sahaja. Ramai dalam kalangan penternak sebelum ini terpaksa gu-

lung tikar apabila tidak mampu memenuhi prosedur berkenaan selain ternakan tidak boleh berkembang," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Mohd. Zaidi yang sudah lima tahun mengusahakan ternakan ayam tersebut berkata, dia

terus kekal pada tahap sama dengan pendapatan hanya sekitar RM700 bagi satu pusingan hasil ayam tersebut.

"Sebagai contoh, baru-baru ini, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) telah meluluskan projek membina reban dengan kapasiti 3,000 ekor ayam, namun malangnya ia tidak dapat berjalan disebabkan tidak ada keperluan merancang. Berdasarkan enakmen sedia ada itu, hanya terhad kepada kuantiti 500 ekor sahaja.

"Bagaimana kami boleh mengembangkan ternakan jika terhad kepada 500 ekor sahaja. Kami sangat berharap pindaan enakmen itu dapat dilaksanakan bagi memudahkan pengusaha ayam di Perlis, sekali gus turut membantu meningkatkan taraf ekonomi kami.

"Pindaan ini juga dijangka memberi kesan positif kepada pembangunan industri ternakan negeri ini, selain menggalakkan lebih ramai usahawan baharu menceburi bidang penternakan tanpa halangan kos permulaan yang terlalu tinggi.

"Kami amat berharap kerajaan dapat mempertimbangkan pindaan tersebut demi kelangsungan industri penternakan ayam kampung dan ayam kacuk di Perlis," katanya.

Ternak ruminan, unggas di Padang Besar, Perlis

CHE AMAH RAIH PENDAPATAN KIRA-KIRA RM30,000 SEBULAN

Oleh ASYRAF MUHAMMAD
utusannews@mediamula.com.my

BERBEKALKAN minat sejak kecil dalam penternakan ruminan dan unggas telah mendorong seorang wanita dari Kampung Chelong, Chuping, Padang Besar, Perlis menceburi bidang itu secara serius.

Biar pun bidang itu kebiasaan diusahakan kaum lelaki, namun Che Amah Che Mid, 57, tidak kekok untuk menguruskan ternakannya di atas sebidang tanah bersebelahan rumah yang keluasan kira-kira 2.84 hektar.

Bermula dari tahun 2008, Che Amah berjinak-jinak dalam bidang itu dengan mula mengusahakan ternakan lembu dari lima ekor sehingga pernah mencecah sebanyak 50 ekor pada satu masa.

Namun begitu, sejak tahun 2015, dia memilih mengurangkan jumlah peliharaan lembu dan memulakan ternakan kambing di kandang bersebelahan rumah itu.

Che Amah juga kemudian cuba keluar dari zon selesa dengan mula menceburi bidang ternakan unggas pula terdiri daripada ayam piri, ayam mutiara, itik dan angsa.

Che Amah berkata, buat masa ini, dia menternak sebanyak 11 ekor lembu terdiri daripada jenis Brahman Cross dan Coreless bersama 150 ekor kambing jenis Biri-Biri Damar Cross serta Boer Cross.

"Saya juga mengusahakan



CHE Amah Che Mid memberi makan kepada lembu-lembu ternakannya yang diusahakan bersebelahan rumahnya di Kampung Chelong, Padang Besar, Perlis. - UTUSAN/ASYRAF MUHAMMAD

ternakan unggas melibatkan 100 ekor ayam piri termasuk ayam mutiara, itik dan angsa bagi memenuhi permintaan pelanggan," katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Che Amah berkata, selain minat dalam penternakan, dia menceburi bidang itu bagi menambah pendapatan.

Menurutnya, secara purata, dia mampu meraih pendapatan kasar kira-kira RM30,000 sebulan hasil daripada penternakan ruminan dan unggas tersebut.

"Pelanggan saya adalah dari

dalam dan luar Perlis malah jualan ternakan ini juga memberangsangkan tanpa mengira musim. Ternakan sememangnya menjanjikan pulangan, namun saya nak ingatkan agar mereka yang cuba ceburi bidang ini perlu mempunyai ilmu dan berdisiplin untuk elakkan ia hanya sekadar separuh jalan," katanya.

Jelasnya, dia juga hanya menguruskan ternakannya itu bermula dari pukul 3 hingga 5 petang meliputi proses pemberian makanan, memastikan bekalan air minuman mencukupi dan

pelbagai lagi.

"Pada sebelah pagi, saya hanya pantau sahaja untuk pastikan sama ada terdapat kambing atau lembu yang beranak, manakala proses selebihnya pula dilakukan pada sebelah petang," katanya.

Dalam pada itu, Che Amah berkata, dia mula menceburi bidang itu hasil bimbingan daripada Jabatan Veterinar yang menawarkan sistem pawah memandangkan pihaknya juga tidak mempunyai modal besar bagi memulakan ternakan.

Ibu kepada tiga anak ini berkata, bermula dari situ, dia mula menternak kambing dan turut memohon geran daripada Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda) bagi membina kandang.

"Saya juga mengikuti kursus-kursus yang disediakan bagi menambah pengetahuan dan mengetahui selok-belok dalam bidang penternakan ini.

"Malah, saya juga melakukan pemasaran ternakan-ternakan ini melalui pelbagai medium termasuk platform media sosial," katanya.

Selepas terlibat dalam bidang ini, Che Amah berkata, antara cabaran utama yang dihadapinya adalah bagi berdepan persaingan kemasukan lembu-lembu luar antaranya dari Thailand yang menawarkan harga lebih murah.


Dalam masa sama, dia turut menasihati golongan muda yang ingin menceburi bidang penternakan agar dapat memanfaatkan peluang dengan sebaiknya menerusi pelbagai inisiatif dan geran ditawarkan.

"Untuk orang muda sepatutnya tak ada masalah kalau nak buat dua kerja pun. Contohnya bela kambing, mereka boleh urus makanan sebelum keluar pergi kerja dan selepas pulang bekerja.

"Dari situ, mereka boleh jana dua pendapatan. Gaji sedia ada boleh guna untuk keperluan hidup, hasil penternakan pula boleh guna untuk tujuan lain," katanya.



SELAIN ruminan, Che Amah Che Mid turut menternak unggas seperti ayam piri bagi memenuhi permintaan pelanggan.



ANTARA kambing-kambing ternakan Che Amah Che Mid terdiri daripada jenis biri-biri Damar Cross serta Boer Cross.